


1.



Mengaplikasi

Siapakah tokoh yang berjaya membebaskan Champa daripada pengaruh China?

- ☐ A Chu-Lien
- ☐ B Raja Lumu
- ☐ C Kaundinya
- ☐ D Che Bong Nga

2.

Konstruk Mengingat

Maklumat berikut tentang seorang tokoh dalam Tamadun India.

Tokoh ini merupakan pemerintah empayar Maurya yang telah menghantar sami-sami Buddha ke Tanah Melayu untuk menyebarkan agama Buddha.

Siapakah tokoh tersebut?

- ☐ A Asoka
- ☐ B Kaundinya
- ☐ C Chandragupta I
- ☐ D Samudragupta

3.

Konstruk Mengingat

Maklumat berikut tentang pemerintahan pusat dan wilayah kerajaan Srivijaya.

Pentadbiran wilayah terbahagi kepada dua.

Apakah pembahagian tersebut?

- I Kabupaten
- II Kedatuan
- III Pradatuan
- IV Kawadanan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4.

Konstruk Mengingat

Apakah yang dibina sebagai benteng untuk menahan air dan mencegah banjir di Alam Melayu?

- ☐ A Daik
- ☐ B Zigurat
- ☐ C Pantheon
- ☐ D Colloseum

5.



Meningat

Siapakah yang memperkenalkan Kalendar Saka?

- ☐ A Raja Gupta
- ☐ B Raja Asoka
- ☐ C Raja Kanishka
- ☐ D Raja Chandragupta

6.

Konstruk Menganalisis

Apakah perbezaan antara animisme dan dinamisme?

- ☐ A

Animisme	Dinamisme
Kepercayaan bahawa setiap makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki roh atau semangat.	Berkait rapat dengan kepercayaan terhadap kekuatan yang juga dikenali sebagai <i>mana</i> .
- ☐ B

Animisme	Dinamisme
Berkait rapat dengan kepercayaan terhadap kekuatan yang juga dikenali sebagai <i>mana</i> .	Kepercayaan bahawa setiap makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki roh atau semangat.
- ☐ C

Animisme	Dinamisme
Setiap benda dianggap mempunyai <i>mana</i> .	Melakukan upacara penyembahan nenek moyang.
- ☐ D

Animisme	Dinamisme
Penting untuk mendapatkan hasil pertanian yang banyak.	Penyembahan nenek moyang penting untuk memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan di dunia.

7.

Konstruk Mengaplikasi

Apakah fungsi bentuk muka bumi Melaka yang berbukit-bukau kepada kapal dagang?

- ☐ A Menjadi penempatan
- ☐ B Menjadi benteng pertahanan
- ☐ C Menjadi panduan kapal dagang
- ☐ D Menjadi tempat bekalan makanan

8.

Konstruk Mengingat

Siapakah penasihat raja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- ☐ A Bendahara
- ☐ B Laksamana
- ☐ C Temenggung
- ☐ D Penghulu Bendahari

9 .



Konstruk Mengingat

Apakah peranan Temenggung pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- I Pemangku sultan
- II Hakim di darat
- III Ketua polis dan penjara
- IV Pengawal peribadi raja

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

10 .

Konstruk Mengingat

Kesultanan Johor Riau diasaskan oleh Raja Ali.
Siapakah bapa kepada Raja Ali?

- ☐ A Sultan Mahmud Shah
- ☐ B Sultan Mansur Shah
- ☐ C Sultan Alauddin Riayat Shah I
- ☐ D Sultan Alauddin Riayat Shah II

11 .

Konstruk Mengaplikasi

Apakah yang dilakukan oleh pemerintah Kesultanan Johor Riau untuk tujuan strategi ketenteraan dan pertahanan?

- ☐ A Memindahkan pusat pemerintahan
- ☐ B Meningkatkan pasukan keselamatan
- ☐ C Mewujudkan pasukan ketenteraan tambahan
- ☐ D Menandatangani perjanjian pertahanan dengan British

12 .

Konstruk Mengaplikasi

Apakah barangan yang dibawa daripada China untuk diperdagangkan di Pelabuhan Batu Sawar?

- I Teh
- II Lada hitam
- III Bijih timah
- IV Kain sutera putih

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

13.

Maklumat berikut berkaitan dengan pemerintahan Kesultanan Pahang

Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah (1592-1614) tidak meninggalkan waris kerana putera baginda, iaitu Raja Muda Abdullah mangkat

Apakah yang terjadi setelah Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah mangkat?

- ☐ A Pemerintahan Pahang diambil alih oleh Kesultanan Johor Riau
- ☐ B Pemerintahan Pahang diambil alih oleh Kesultanan Aceh
- ☐ C Pemerintahan Pahang diambil alih oleh Kesultanan Perak
- ☐ D Pemerintahan Pahang diambil alih oleh Kesultanan Selangor

14.

Apakah persamaan pemerintahan kerajaan negeri bagi Kesultanan Pahang, Kesultanan Perak, Kesultanan Terengganu dan Kesultanan Selangor?

- ☐ A Pemerintahan dijalankan bersama-sama Kementerian
- ☐ B Pemerintahan dijalankan bersama-sama Jemaah Menteri
- ☐ C Pemerintahan dijalankan bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan
- ☐ D Pemerintahan dijalankan bersama-sama Majlis Undangan Persekutuan

15.

Siapakah yang mengasaskan Alor Setar yang kemudiannya diisytiharkan sebagai ibu negeri Kedah?

- ☐ A Tunku Ahmad
- ☐ B Sultan Ibrahim
- ☐ C Sultan Mansur Shah
- ☐ D Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II

16.

Siapakah penguasa pada peringkat mukim pada zaman Kesultanan Kedah, Kelantan dan Perlis?

- ☐ A Raja
- ☐ B Bendahara
- ☐ C Penghulu
- ☐ D Temenggung

17.

Apakah yang dilambangkan oleh penganugerahan bintang dan darjah kebesaran oleh Sultan atau Raja?

- ☐ A Lambang kekuatan raja/sultan
- ☐ B Lambang keteguhan ekonomi negeri
- ☐ C Lambang hubungan harmonis pemerintahan
- ☐ D Lambang hubungan antara pemerintah dengan rakyat

18 .

Konstruk Memahami

Bagaimanakah kesalahan kecil diselesaikan mengikut Adat Perpatih?

- ☐ A Dikenakan penjara
- ☐ B Dihukum bunuh
- ☐ C Didenda yang ringan
- ☐ D Dibuang oleh ketua suku

19 .

Konstruk Mengingat

Apakah bentuk pemerintahan di kawasan pedalaman Sabah?

- ☐ A Kepimpinan Kesukuan
- ☐ B Kepimpinan Pentadbiran
- ☐ C Kepimpinan Kesultanan
- ☐ D Kepimpinan Keaduan

20 .

Konstruk Menganalisis

Apakah kepentingan sungai dalam kehidupan seharian masyarakat di Sarawak dan Sabah?

- I Air minuman
- II Membasuh pakaian
- III Menjana elektrik
- IV Menjana pendapatan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV